

Sifat Sabar Dan Pema'af Allah S.W.T.

٢٠- وَعَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا أَحَدٌ أَصْبَرَ عَلَى أَدَى سَمِعَهُ مِنَ اللَّهِ يَدْعُونَ لَهُ

الْوَلَدَ ثُمَّ يُعَافِيهِمْ وَيَرْزُقُهُمْ - متفق عليه.

20- Abu Musa al-Asy'ari meriwayatkan, katanya: "Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tidak ada siapapun yang lebih sabar¹⁶⁷ daripada Allah ketika mendengar ucapan yang amat menyakitkannya.¹⁶⁸ Manusia menda'wa Dia mempunyai anak,¹⁶⁹ namun begitu Dia

¹⁶⁴ Dengan sighah mufrad, berbaris di atas ya' yang pertama dan dal selepasnya serta (berbaris) mati ya' yang kedua (يَيْدِي). Boleh juga digunakan dalam bentuk tatsniah, berbaris di atas ya' yang pertama dan dal selepasnya serta bertasydid huruf ya' yang keduanya (يَيْدِي) untuk memberi erti ta'kid (kekuatan) dan mubaalaghah (ma'na bersangatan). Maksudnya, "segala perkara yang baik dan buruk, yang manis dan pahit yang selalu kamu kaitkan dengan masa itu adalah di bawah tadbiranKu."

¹⁶⁵ Imam Ahmad dengan sanad yang sahih meriwayatkan secara marfu' daripada Abi Hurairah, "لا تسبوا الدهر فإن الله تعالى قال أنا الدهر الأيام والليالي لي أجددها وأبليها وأتي بملوك بعد ملوك" Bermaksud: "Jangan kamu menyumpahi masa kerana sesungguhnya Allah berfirman Akulah masa itu. Malam dan siang adalah kepunyaanKu. Aku memperbaharuinya dan melusuhkannya. Aku bawakan raja-raja selepas (lenyap) raja-raja (sebelumnya)." Kesesuaian hadith ini diletakkan di dalam *Kitab al-Iman* ini tentu sekali dapat ditanggapi orang yang memerhatikan ma' nanya.

¹⁶⁶ Imam Ahmad dan Abu Daud juga ada meriwayatkan hadits ini.

¹⁶⁷ Maksudnya ialah tiada siapapun yang lebih tinggi tahap kesabarannya berbanding Allah. Sabar itu bererti menahan diri dari melakukan perkara yang tidak elok dan Allah s.w.t. suci daripada bersifat dengan sifat-sifat makhluk seperti ini. Kerana itu, yang dimaksudkan di sini ialah lazimnya, iaitu Allah tidak bersegera menimpakan balasan terhadap orang-orang yang berbuat kejahatan hingga ke hari akhirat nanti. Hafiz Ibnu Hajar berkata: "أصبر" adalah isim tafdhil daripada الصبر. Sangat Sabar (الصبور) adalah salah satu nama Allah yang indah (الأسماء). Ertinya ialah Dia tidak cepat membalas perbuatan orang-orang yang berbuat dosa. Ma' nanya seakan-akan sama dengan الحليم (Penyantun). Cuma الحليم bermaksud lebih mendalam sifat selamatnya daripada penyiksaan.

¹⁶⁸ Perkataan أَدَى adalah isim مصدر bagi يؤذي. Ia dipakai dengan erti مؤذٍ (yang menyakitkan). مؤذٍ adalah kata sifat bagi satu perkataan yang dibuang. Taqdirnya ialah مؤذٍ كلام iaitu ucapan yang menyakitkan hati dan tidak elok yang diungkapkan oleh orang-orang kafir. يسمعه menjadi sifat bagi أَدَى. Apabila kata-kata yang menyakitkan sampai ke telinga orang yang dimaksudkan, ia akan memberi kesan yang lebih mendalam kepadanya. Meskipun begitu, ini semua adalah mengambil kira kita sebagai manusia biasa. Adapun Allah, Dia Maha Mengetahui segala kata-kata yang dapat didengar dan yang sebaliknya.

¹⁶⁹ Ini adalah jumlah isti'naf yang menerangkan maksud أَدَى. Timbul persoalan di sini bahawa bukankah Allah s.w.t. itu Maha Suci daripada terkesan oleh kata-kata yang boleh menyakitkan

masih lagi mema'afkan mereka¹⁷⁰ dan memberi rezeki kepada mereka.”¹⁷¹ (Bukhari-Muslim).¹⁷²

Kepentingan Tauhid

٢١- وَعَنْ مُعَاذٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كُنْتُ رَدَفَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى حِمَارٍ لَيْسَ بَيْنِي وَبَيْنَهُ إِلَّا مُؤَجَّرَةٌ الرَّحْلُ فَقَالَ يَا مُعَاذُ هَلْ تَدْرِي مَا حَقُّ اللَّهِ عَلَى عِبَادِهِ وَمَا حَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ قُلْتُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ فَإِنَّ حَقَّ اللَّهِ عَلَى الْعِبَادِ أَنْ يَعْبُدُوهُ وَلَا يُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَحَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ أَنْ لَا يُعَذِّبَ مَنْ لَا يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفَلَا أُبَشِّرُ بِهِ النَّاسَ قَالَ لَا تُبَشِّرُهُمْ فَيَتَكَلَّمُوا - متفق عليه.

hati kerana itu adalah satu kekurangan dan Allah itu Maha Suci daripada segala kekurangan? Lalu kenapa pula Rasulullah s.a.w. bersabda, “Tidak ada siapapun yang lebih sabar daripada Allah ketika mendengar ucapan yang amat menyakitkannya?” Jawapannya ialah, yang dimaksudkan dengan kata-kata yang menyakitkan di sini ialah kata-kata yang menyakitkan rasul-rasul dan hamba-hambaNya yang saleh. Menda'wa Allah s.w.t. mempunyai anak itu menyakitkan hati mereka kerana ia bererti meniadakan keyakinan dan menolak seruan mereka bahawa Allah s.w.t. itu tidak berteman dan tidak mempunyai anak. Lalu dikaitkan ‘menyakiti’ itu kepada Allah untuk menyatakan dahsyatnya keingkaran mereka dan menunjukkan betapa seriusnya kata-kata mereka itu.

¹⁷⁰ dengan menghindarkan perkara-perkara yang tidak elok, bala bencana dan malapetaka daripada mereka.

¹⁷¹ dengan mengurniakan kesejahteraan dan harta benda dan tidak bersegera menyiksa mereka. Allah s.w.t. lebih bersabar dalam menghadapi perbuatan menyakiti yang dilakukan terhadapNya berbanding manusia. Tetapi itu tidaklah bererti Dia menunda balasan terhadap mereka kerana terpaksa dan tidak mampu melaksanakannya bahkan kerana limpah kurniaNya semata-mata. Di dalam hadith ini terdapat isyarat bahawa bersabar menanggung gangguan manusia dan tidak mudah membalas dendam itu adalah satu sifat terpuji. Itulah sebabnya ganjaran bagi setiap amalan manusia ada hadnya tetapi tidak ada had bagi ganjaran sabar. Lihatlah sebagai buktinya firman Allah s.w.t. berikut ini:

قُلْ يَعْبادِ الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا رَبَّكُمْ لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَأَرْضُ اللَّهِ وَاسِعَةٌ إِنَّمَا يُوَفَّى الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ

حِسَابٍ

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): “Wahai hamba-hambaKu yang beriman! Bertaqwalah kepada Tuhanmu. (Ingatlah) Orang-orang yang berbuat baik di dunia ini akan beroleh kebaikan (yang sebenar di Akhirat). dan (ingatlah) bumi Allah ini Luas (untuk berhijrah sekiranya kamu ditindas). Sesungguhnya orang-orang yang bersabar sahaja yang akan disempurnakan (dikurniakan) pahala mereka dengan tidak terkira". (az-Zumar: 10).

¹⁷² Selain Bukhari dan Muslim hadiths ini juga turut diriwayatkan oleh Ahmad, al-Humaidi, An-Nasaa'i, al-Bazzaar, Ibnu Hibbaan dan lain-lain.